

KONSTRUK FAKTA (1)

- 1 Pernyataan berikut adalah maklumat tentang Puan Amira seorang eksekutif pemasaran sebuah syarikat pengeluaran tudung.

Berinteraksi dengan ahli pasukan untuk mengembangkan
idea-idea yang diterima hasil daripada aktiviti mingguan

Nyatakan dua kaedah menyelesaikan tugas yang digunakan oleh Puan Amira.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

- 2 Situasi dalam Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri semangat kerja sepasukan.

Ciri	Situasi
X	Adam sentiasa mengikut arahan kapten pasukan semasa bermain dalam pertandingan bola sepak untuk meraih kemenangan bagi pasukannya.
Y	Aisyah dan rakannya telah menghasilkan carta organisasi dan jadual bertugas bagi kelas mereka apabila bermula sesi persekolahan yang baharu.

Jadual 1

Apakah X dan Y?

- X :
- Y :

[2 markah]

- 3 Jadual 2 menerangkan situasi tentang kepentingan budaya kerja positif dalam organisasi kerja.

Budaya Kerja Positif	Situasi
X	Farina merupakan seorang pekerja yang cekap dan sentiasa bersedia menerima arahan daripada majikannya.
Y	Syamir sentiasa komited terhadap tugas dan mematuhi garis masa dalam bekerja.


Jadual 2

Nyatakan X dan Y

- X :
- Y :

[2 markah]

- 4 Rajah 1 menunjukkan satu carta organisasi dalam kerja sepasukan.



Rajah 1

- (i) Nyatakan X
.....
[1 markah]

- (ii) Apakah peranan X?
.....
[1 markah]

- 5 Nyatakan dua fungsi bendahari

- (i)
(ii)
[2 markah]

- 6 Sahir seorang ketua yang suka bekerja secara sistematik. Beliau telah membina carta organisasi untuk projek barunya.

Nyatakan dua kepentingan membina carta organisasi kerja.

- (i)
(ii)
[2 markah]

- 7 Jadual 3 menunjukkan peranan dan tanggungjawab dalam organisasi kerja

Jawatankuasa	Peranan dan tanggungjawab
X	Menyediakan notis dan agenda mesyuarat serta pelbagai laporan.
Y	Berperanan sebagai penasihat dalam pengendalian pertubuhan atau persatuan.
Z	Menguruskan semua hal ehwal kewangan pertubuhan atau persatuan

Jadual 3

Nyatakan X, Y dan Z.

X :

Y :

Z :

[3 markah]

- 8 Annisa sering diundang untuk membuat persembahan nyanyian sambil bermain piano di majlis keraian.

Nyatakan aspek sendiri yang ada pada Annisa.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

- 9 Pernyataan di bawah menunjukkan kaedah mendapatkan maklum balas peningkatan sendiri.

Mengenal pasti kebolehan atau bakat semula jadi pelajar dalam melakukan sesuatu perkara dengan mudah dan cepat

Apakah kaedah itu?

.....

[1 markah]

- 10 Maklumat berikut adalah tentang Encik Othman.

Mempunyai empat orang anak yang masih belajar di sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi(i)
Menggemari barang mewah untuk kepuasan hidup dengan pendapatan yang diperolehi sebagai usahawan terkenal.

Berdasarkan maklumat itu, nyatakan dua faktor yang mempengaruhi jumlah pendapatan dan perbelanjaan keluarga Encik Othman.

- (i)
(ii)

[2 markah]

- 11 Nyatakan tiga tujuan menyediakan bajet.

- (i)
(ii)
(iii)

[3 markah]

- 12 Rajah 2 menunjukkan potret yang dihasilkan oleh Puan Maisarah.



Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, nyatakan jenis dan contoh yang sesuai(i)

Sumber	Jenis	Contoh
Sumber manusia		
Sumber bukan manusia		

[4 markah]

- 13 Nyatakan tiga kaedah berkesan mengatasi konflik dalam kalangan remaja.

- (i)
(ii)
(iii)

[3 markah]

- 14 Pernyataan berikut tentang Fatia Aina.

Berumur 14 tahun bersekolah di bandaraya Kuala Lumpur
Merupakan pelajar cemerlang di sekolah
Pada hujung minggu mengikuti kelas piano dan melukis bersama ibunya di rumah.

Berdasarkan pernyataan itu,nyatakan dua sumber manusia dan dua sumber bukan manusia yang perlu ada pada Fatia Aina dalam mengikuti kelas tersebut.

- (i)
(ii)
(iii)
(iv)

[4 markah]

- 15 Nyatakan dua perbezaan antara keperluan dengan kehendak dalam jadual di bawah.

Keperluan	Kehendak

[4 markah]

- 16 Rajah 3 menunjukkan ahli keluarga Doktor Chong yang tinggal bersama.



Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, nyatakan faktor pemilihan tempat kediaman yang perlu dipertimbangkan olehnya ketika memilih tempat kediaman yang baharu.

- (i)
(ii)
(iii)

[3 markah]

- 17 Nyatakan tiga aspek utama dalam penilaian alat penjimat masa ruang dapur.

- (i)
(ii)
(iii)

[3 markah]

- 18 Rajah 4 menunjukkan sebuah rumah yang dimiliki oleh Encik Aziz.



Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4, nyatakan dua faktor yang mempengaruhi pemilihan tempat kediaman.

- (i)
(ii)

[2 markah]

- 19 Rajah 5 menunjukkan ruang sebuah tempat kediaman.



Rajah 5

Nyatakan dua faktor yang mempengaruhi keselesaan ruang tempat kediaman tersebut.

- (i)
(ii)

[2 markah]

- 20 Nyatakan faktor yang mempengaruhi keselesaan tempat kediaman berdasarkan pernyataan di bawah.

Faktor	Pernyataan
(i)	Memasang jeriji besi, mempunyai alat pemadam api dan menghidupkan penggera keselamatan.
(ii)	Menggunakan kipas angin, penyaman udara dan ventilator.
(iii)	Menggunakan lantai terazo, jubin, tikar buluh dan permaidani

[3 markah]

